

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1970.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Settlement Collector, Terengganu.

**Mengelakkan Tuntutan Kerugian Terhadap Kerajaan
Negeri Atas Tanah-tanah A.M.T., K.S.L., dan K.S.B.**

Adalah didapati iaitu ada kawasan-kawasan tanah Kerajaan diberi milik oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah kepada pemohon-pemohon dan seterusnya keterangan-keterangan hakmilik dikeluarkan. Masalah yang berbangkit sekarang ialah ada diantara tanah-tanah yang diluluskan itu terkena atas tanah-tanah A.M.T., K.S.L., dan K.S.B. (tanah yang tertakluk sebagai "Possessory claim" di bawah Undang-undang Settlement).

2. Dengan sebab tanah-tanah A.M.T., K.S.L., dan K.S.B. yang belum selesai itu telah diberi milik kepada orang lain pula, maka Kerajaan Negeri terpaksa membayar segala tuntutan kerugian kepada pihak yang berkenaan (jika dibuat tuntutan dan didapati sah).
3. Bagi mengelakkan perkara yang seumpama ini terus berlaku, maka Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah bekerja rapat (coordinate) dengan Settlement Collector supaya tiap-tiap sekeping tanah kerajaan yang hendak diluluskan tidak berkait dengan tanah A.M.T., K.S.L., dan K.S.B. Dengan ini kerajaan Negeri akan terlepas daripada sebarang tuntutan (civil suit).
4. Settlement Collector hendaklah memberitahu Pemungut Hasil Tanah mana-mana kawasan yang masih menjadi tuntutan di bawah Undang-undang Settlement Collector hendaklah menyemak Standard Sheet di Pejabat-pejabat Tanah supaya semua tanah-tanah yang berkait dengan Jabatannya ada tercatit di dalam Standard Sheet itu.
5. Settlement Collector juga hendaklah menyemak buku-buku daftar yang belum ditandatangani itu dan yang belum diselesaikan supaya diselesaikan dengan seberapa segera Jua. Mana-mana kes yang telah selesai tetapi tidak ditandatangani oleh Settlement Collector yang lepas, Settlement Collector adalah dikehendaki memberitahu pejabat ini akan bilangan kes-kes itu.

t.t.
 (DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
 Terengganu.

Bil. (19) dlm. P.T.&G. TR. 158/67

s.k.
 Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.

Kuala Terengganu, 6hb. Januari, 1970.